



# MEMO

**RUJUKAN** : **PBKSB/MEMO/PROPERTY/VOL.2/0924/012**

**KEPADА** : **Semua Pelanggan Pangkalan Bekalan Petroleum,  
Kemaman**

**DARIPADA** : **Pengurus Hartanah**

**TARIKH** : **03 September 2024**

**TAJUK** : **Binaan/Struktur Tambahan Di Dalam Gudang**

---

Pelanggan yang dihormati,

Hasil lawatan dan pemeriksaan oleh pihak Bomba secara tahunan telah mendapati bahawa terdapat binaan/struktur tambahan di dalam gudang yang tidak mematuhi keperluan Bomba. Perkara ini menyebabkan permohonan kami untuk memperbaharui Sijil Perakuan Bomba telah terhalang dan juga memungkinkan kelulusan yang diberikan sebelum ini akan berisiko ditarik balik kerana gudang kami didaftarkan atas nama Gudang Awam iaitu untuk penyimpanan barang sahaja dan tidak untuk keperluan lain.

Untuk makluman, kebanyakan binaan/struktur tambahan di dalam gudang ini tidak memenuhi keperluan **Akta 341 – Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Perkara 32 “Perubahan keadaan yang menjelaskan kecukupan kelengkapan menentang kebakaran atau pepasangan keselamatan kebakaran”**.

Oleh yang demikian, berkuatkuasa serta merta pihak kami tidak lagi meluluskan mana-mana permohonan baru untuk membina atau menambah struktur bangunan di dalam gudang. Pihak kami juga memohon kerjasama daripada pelanggan yang mempunyai binaan/struktur tambahan di dalam gudang untuk merobohkan atau mengeluarkan binaan/struktur tambahan tersebut bagi melancarkan proses permohonan dan kelulusan daripada pihak Bomba.

Pihak kami sedia membantu untuk menyediakan tempat sewaan seperti ruang pejabat (bergantung kepada kekosongan) sekiranya diperlukan. Bagi mana-mana pelanggan yang ingin mengekalkan binaan/struktur tambahan di dalam gudang ada, binaan/struktur tambahan tersebut hendaklah diubahsuai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak Bomba sebagaimana yang termaktub dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) dan kos pengubahsuaian hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan yang terlibat.

Pihak teknikal kami juga bersedia membantu sekiranya ada pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Abdul Shahrin bin Abdull Rani di talian 013-3731929.

Perhatian dan kerjasama daripada semua pelanggan yang terlibat amatlah kami hargai.

Sekian terima kasih.

**"KOMITED, SELAMAT, BERINTEGRITI"**

Yang benar,



**ZAMRI BIN WANG @ ABDUL GHANI**

Pengurus Hartanah  
Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd.

*S.K.*

1. Pengurus Besar Kanan, PBKSB
2. Pengurus Kanan Hartanah & ACL, PBKSB
3. Pengurus E&P, PBKSB